



# **LEMBAGA PELABUHAN BINTULU TENDER PRA-KELAYAKAN**

Pelawaan tender secara PRA KELAYAKAN ini adalah terbuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG PELAWAAN	BUTIRAN LAWATAN TAPAK & PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH MULA & TUTUP PELAWAAN TENDER
<p>No. Tender : <b>LPB/2024/T03</b></p> <p>Tajuk Tender : <b>TENDER PRA-KELAYAKAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PEMBEKALAN SISTEM PENGURUSAN INVENTORI PELEPASAN GREEN HOUSE GAS (GHG) DAN PENCEMAR UDARA DAN PEMBEKALAN SENSOR PEMANTAUAN KUALITI UDARA DALAM TALIAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU</b></p>	<p>Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti berikut:-</p> <p>i. 210103- Peralatan Dan Kelengkapan Komputer, Perakasan Dan Komponen/Computer Software, Operating System, Database, Off-The Shelf Packages Including Maintenance <b>ATAU</b></p> <p>ii. 210104- Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perakasan Dan Komponen-Software/ System Development/ Customization And Maintenance <b>DAN</b></p> <p>iii. 140502- Komponen Dan Aksesori Elektrik/ Elektronik; <b>ATAU</b></p> <p>iv. 100101- Peralatan Sukatan Dan Ukuran/ Peralatan Sukatan dan Ukuran/ Semua Peralatan Sukatan/Ukuran.</p>	<p>Kehadiran Lawatan Tapak adalah <b>WAJIB</b> dan akan diadakan pada <b>9 Julai 2024</b> bertempat di <b>Lembaga Pelabuhan Bintulu Aras 1, Menara Kidurong KM12, Jalan Tanjung Kidurong 97007 Bintulu, Sarawak</b></p> <p>Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini adalah digalakkan untuk menghubungi Pegawai yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat bagi menyediakan tawaran tender</p> <p><b>Pegawai yang boleh dihubungi:</b></p> <p><b>Puan Zuraidah binti Mohd Rais</b> 086-232852 (P) 019-8228799 (H/P)</p> <p><b>Puan Nurul Ain binti Mohd Zaki</b> 086-232-853</p>	<p>Seksyen Kewangan Aras 9, Menara Kidurong, KM12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu, Sarawak</p> <p><b>Bermula 9 Julai 2024 sehingga 26 Julai 2024</b></p> <p>No. Untuk dihubungi: <b>URUS SETIA PEROLEHAN</b> 086-232815/ 086-232817/ 086-232822</p>	<p>Tarikh mula: <b>2 Julai 2024</b></p> <p>Tarikh tutup: <b>30 Julai 2024</b> <b>Jam 12.00 Tengah Hari</b></p>

1. Syarat-syarat Pra-Kelayakan adalah seperti berikut:-

## 1.1 KEUPAYAAN TEKNIKAL

### 1.1.1 Kriteria Wajib

- (a) Purata nilai keseluruhan kerja dan nilai kerja terbesar bagi projek pembekalan sistem yang serupa yang telah dilaksanakan dengan jayanya tidak kurang dari RM550,000.00 dalam tempoh lima (5) tahun terbelakang; dan

(b) Tidak mempunyai kerja semasa yang berprestasi sakit dan mempunyai prestasi kerja yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

### **1.1.2 Kriteria Keutamaan**

Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pembangunan sistem pelepasan GHG dan sensor pemantauan pencemaran udara dalam talian dalam tempoh lima (5) tahun lepas serta berpengalaman dalam melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan yang serupa adalah diberi keutamaan.

## 1.2 KEUPAYAAN KEWANGAN

- 1.2.1 Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM400,000.00;
  - 1.2.2 Modal kerja (*working capital*) positif sekurang-kurangnya RM500,000.00;
  - 1.2.3 Keuntungan bersih selepas cukai (*net profit after tax*) sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah keseluruhan hasil untuk tiga (3) tahun kebelakang (FY2021 – 2023); dan
  - 1.2.4 Purata baki tunai di bank (*cash at bank*) bagi tempoh tiga (3) bulan terkini hendaklah sekurang-kurangnya 15% daripada nilai kontrak yang ditawarkan.

2. Syarikat yang ingin menyertai tender hendaklah memberi Dokumen Tender secara atas talian dengan menghubungi Urus Setia Perolehan di talian **086-232817** atau **086-232822** dengan menyatakan No. Rujukan Tender LPB/2024/T03. Dokumen hanya akan **mula dijual pada 9 Julai 2024**.
  3. Softcopy dokumen tender beserta no siri hanya akan diserahkan melalui emel setelah:-
    - i. Sijil dari Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang ditetapkan dikemukakan kepada Urus Setia Perolehan untuk semakan dan pengesahan; dan
    - ii. Bukti pembayaran disertakan.

4. Dokumen Pelawaan / Tender boleh diperolehi dengan bayaran seperti berikut:-

NO RUJUKAN & TAJUK TENDER	HARGA DOKUMEN PER SET
LPB/2024/T03 - TENDER PRA-KELAYAKAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PEMBEKALAN SISTEM PENGURUSAN INVENTORI PELEPASAN GREEN HOUSE GAS (GHG) DAN PENCEMAR UDARA DAN PEMBEKALAN SENSOR PEMANTAUAN KUALITI UDARA DALAM TALIAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU	RM50.00

5. Bayaran bagi Dokumen Pelawaan/ Tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wangkiran pos berpalang (*postal order*) atau *electronic fund transfer* (EFT) atau pembayaran atas talian melalui platform pembayaran seperti FPX dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY**. Sila hubungi Urus Setia Perolehan untuk mendapatkan maklumat pembayaran
6. Syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) Dokumen Pelawaan / Tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. **TAWARAN ALTERNATIF ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
7. Semasa pendaftaran, syarikat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) yang masih sah dan berkuatkuasa.
8. Lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi Tender LPB/2024/T03, bagi memberi peluang kepada syarikat untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat bagi tujuan penawaran harga tender. Dalam hal ini, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan. Petender dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat.
9. Kesemua Dokumen Pelawaan / Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar / kotak yang berlakri (*sealed*). Sampul / kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:-

Nombor Tender : *Rujuk No. Tender dalam Jadual di atas*

TAJUK TENDER  
*(Rujuk tajuk tender dalam Jadual di atas)*

Pengurus Besar  
 Lembaga Pelabuhan Bintulu  
 Aras 9, Seksyen Kewangan  
 Menara Kidurong  
 KM12, Jalan Tanjung Kidurong  
 Bintulu, Sarawak

Tawaran tender hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengahari sebelum atau pada tarikh tutup tender seperti yang tertera dalam jadual di atas.

10. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:-
- (a) Syarikat **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
  - (b) Syarikat **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender.
11. **Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**
12. Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh petender semasa menyedia dan menghantar tender.
13. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Lembaga Pelabuhan Bintulu di alamat <http://www.bpa.gov.my>.